

MUHAMMAD SALIH BIN UTHAIMIN (1929-2001M) DAN MANHAJ FATWANYA

Mohd Rumaizuddin Ghazali¹



ABSTRACT

This article discusses the life and education of Muhammad Bin Salih al-Uthaimin. It also focuses on his fiqh methodology especially that which is streamlined with maqasid shari'ah and Islamic methodologies, based on the evidence (dalil) and legitimacy. The article also explains how the scholar is influenced by other notable past luminaries such as Ibn Taymiyyah, Ibn Qayyim and Ibn Baz. The author analyses al-Uthaimin's religious edicts (fatwa) such as those that relate to the Muslims who do not pray, issues on hijab (covering faces and hands), the need to give out alms (zakat fitrah) in cash, and the need to give out alms on gold that are used as jewellery. Ibn Uthaimin's methodology of fatwa follows Hanbali sect and it has been greatly influenced by his teachers such as Syeikh Abdul Rahman al-Sa'adi. It is found that he is closely identified with literal interpretation in understanding certain basis (nas) when dispensing his fatwa.

Keywords: Religious, edicts, alms, prayers

¹ Profesor Madya, Fakulti Kepimpinan dan Pengurusan, Universiti Sains Islam Malaysia

ABSTRAK

Artikel ini menjelaskan latar belakang kehidupan dan pendidikan Muhammad Bin Salih al-Uthaimin. Ia juga turut membincarakan manhaj fikah terutama menggabungkan dengan maqasid Syariat dan kaedah-kaedah agama, berasaskan dalil dan kesahihannya serta terpengaruh dengan ulama yang berwibawa seperti Ibn Taimiyyah, Ibn Qayyim dan Ibn Baz. Penulis juga menganalisa fatwanya yang berkaitan hukum orang yang meninggalkan solat, hukum wanita memakai hijab (menutup muka dan tapak tangan), hukum mengeluarkan zakat fitrah dengan wang dan kewajipan mengeluarkan zakat emas yang dijadikan perhiasan. Manhaj fatwa Ibn Uthaimin mengikut Mazhab Hanbali dan pengaruh yang kuat dengan gurunya Syeikh Abdul Rahman al-Sa'adi. Didapati juga beliau mirip kepada kefahaman literal dalam memahami sesuatu nas dalam mengeluarkan fatwa.

Kata kunci: Fatwa, zakat, maqasid, fikah.

LATAR BELAKANG KEHIDUPAN

Namanya ialah Abu Abdullah Muhammad bin Salih bin Muhammad bin Uthaimin al-Wahabi al-Tamimi dari kabilah Bani Tamim. Beliau dilahirkan di Unaizah, Daerah Qasim, Mekkah pada 27 Ramadan 1347/9 Mac 1929M dan dibesarkan dalam keluarga yang kuat beragama. Beliau mula belajar al-Quran dengan datuknya sebelah ibu Abdul Rahman bin Sulaiman sehingga tamat hafalannya. Kemudian meneruskan pengajian dengan belajar menulis, mengira dan membaca. Muhammad Uthaimin belajar dengan Syeikh Abdul Rahman bin Nasir al-Sa'adi dan beliau telah meminta dua orang pelajar yang telah dewasa untuk menjaga dan mengajar Muhamad Salih iaitu Syeikh Ali al-Salihi dan Syeikh Muhammad bin Abdul Aziz. Mereka berdua ini telah mengajar beberapa buah buku karangan al-Sa'adi seperti *Mukhtasar al-Aqidah al-Wasatiyyah*, *Minhaj al-Salikin* dalam fikah, *al-Ajurumiah* dan *al-Alfiah* dalam bidang nahu dan bahasa serta ilmu-ilmu yang lain (Ibrahim Muhammad, 2010:11. www.ibnothaimeen.com).

Beliau mempunyai dua orang saudara iaitu Dr Abdullah bin Salih merupakan anggota ahli Syura dan setiausaha Anugerah Raja Faisal dan Syeikh Abdul Rahman yang mengurus khazanah keilmuan Muhammad

bin Salih dengan menubuhkan institut Muhammad Salih Uthaimin yang terdiri dari himpunan buku-buku, fatwa dan pengajian saudaranya itu. Muhammad Salih juga mempunyai lima orang anak lelaki dan tiga orang perempuan hasil perkahwinan dengan seorang isteri. Anak-anak lelakinya bernama Abdullah, Abdul Rahman, Ibrahim, Abdul Aziz dan Abdul Rahim.

Kehidupan Muhammad Salih penuh dengan menuntut ilmu dan mengajar. Setelah belajar dengan ulama-ulama di Unaizah, beliau telah pergi ke Riyadh dan memasuki kolej agama 1372/1952 dan kemudian di Kuliah Syariah di sana (Ibrahim Muhamad, 2010:13).

GURU-GURU DAN PEKERJAAN

1. Syeikh Abdul Rahman Bin Nasir al-Sa'adi (m.1956). Seorang ulama terkenal dan pengarang tafsir “*Taysir al-Karim al-Rahman fi Tafsir Kalam al-Manan*” dan kitab-kitab yang lain. Muhammad Salih Uthaimin ini banyak terpengaruh dengan gurunya ini termasuk dari segi pendekatan pembelajaran dan pengajaran. Beliau belajar ilmu tauhid, tafsir, hadis, fikah dan lain-lain.
2. Abdul Aziz bin Abdullah bin Baz- Mufti Arab Saudi dan Ketua Lembaga Ulama dan Pengerusi Pusat Penyelidikan dan Fatwa. Apabila Ibn Uthaimin pergi ke Riyadh dan belajar di kolej, Ibn Baz adalah guru dan mengajar di situ. Ibn Baz merupakan guru kedua selepas al-Sa'adi yang banyak mempengaruhinya. Beliau belajar dari Ibn Baz “*Mukadimah fi Tafsir*” karangan Ibn Taimiyyah, sahih al-Bukhari dan fikih. Ibn Uthaimin menyebutkan bahawa Ibn Baz mempunyai pengaruh yang kuat dari segi penggunaan hadis-hadis dan juga akhlak serta mudah mesra dengan orang ramai.
3. Muhammad Amin bin Muhammad Mukhtar al-Syanqiti (m.1973). Beliau adalah pengarang *Tafsir Adwa' al-Bayan fi Iydah al-Quran bi al-Quran*. Ibn Uthaimin belajar dengannya di Kolej agama di Riyadh.
4. Ali bin Ahmad al-Salihi. Beliau belajar dengan Syeikh Ali ini semasa belajar dengan Syeikh al-Sa'adi.
5. Muhammd bin Abd Aziz al-Mutu'. Beliau belajar dengan Syeikh Muhammad semasa belajar Syeikh al-Sa'adi (Ibrahim Muhamad, 2010: 13. www.ibnothaimeen.com).

Setelah tamat di Kolej Agama di Riyadh, beliau menjadi tenaga pengajar di Kuliah Syariah di Riyadh dan kemudian kembali ke Unaizah untuk mengajar di kolej agama yang baru buka di sana. Apabila cawangan Universiti Imam Muhamad bin Saud dibuka di Qasim, beliau mengajar di sini hampir 20 tahun dan juga menjadi ahli majlis Ulama Arab Saudi. Beliau juga menjadi imam dan mengajar di Masjid Unaizah. Ibn Uthaimin pernah ditawarkan menjadi kadi di Mahkamah oleh Mufti Arab Saudi Syeikh Muhammad bin Ibrahim tetapi menolak dan lebih suka untuk mengajar di kolej agama di Unaizah. Beliau mula mengajar pada tahun 1951 semasa gurunya Syeikh al-Sa'adi masih hidup sehingga beliau meninggal dunia pada 10 Januari 2001 (Ibrahim Muhamad, 2010:17).

Syeikh Abdul Rahman al-Sa'adi mempunyai pengaruh yang kuat dalam diri Ibn Uthaimin terutama dari aspek pembelajaran dan manhaj. Syeikh al-Sa'adi terkenal dengan mengikuti kaedah manhaj ulama di semenanjung Tanah Arab dan ulama Najd dengan mengikuti mazhab Hanbali dan pandangan Ibn Taimiyyah dan Ibn Qayyim. Beliau juga terpengaruh dengan manhaj Ibn Muflah terutama dalam fikah mazhab Hanbali dalam kitabnya *al-Furu'* dan juga Rashid Rida yang beraliran salafi. Walaupun beliau amat mengagumi Ibn Taimiyyah tetapi ada juga mereka berbeza pandangan seperti Ibn Taimiyyah mengharuskan perempuan bermusafir tanpa mahram dengan syarat aman dan selamat. Manakala Ibn Uthaimin tidak harus wanita bermusafir tanpa mahram secara mutlak. Ibn Taimiyyah berpendapat bahawa memadai makmun dengan bacaan fatihah imam dalam solat jahriah (solat dengan bacaan yang kuat dari imam) dan ini merupakan pendapat mazhab. Manakala Ibn Uthaimin bahawa wajib membaca Fatihah atas makmun walaupun dalam solat jahriah (Ibrahim Muhamad, 2010:19).

Keistimewaan pengajian Ibn Uthaimin:

- i. Pengajian meliputi ulum Syariah iaitu akidah, tafsir, hadis, usul fiqh, faraid dan lain-lain.
- ii. Mengandungi banyak rujukan bagi memudahkan para pelajar.
- iii. Dibantu dengan matan-matan dan syarahnya untuk para guru dan pelajar.
- iv. Sentiasa diperkuatkan dengan dalil-dalil dalam mengeluarkan hukum.
- v. Tarjih dalam masalah-masalah hukum yang berbeza dan mengambil yang terkuat dalilnya (Ibrahim Muhamad, 2010:24).

Antara kitab syarah yang digunakan seperti kitab *Syarah al-Alfiah*, *Syarah al-Ajurumiah*, *Syarah kitab al-Tauhid*, *Syarah Bulugh al-Maram* dan *Syarah al-Aqidah al-Wasatiyyah*. Beliau juga menyampaikan ilmu melalui khutbah dan menjadi imam di Masjid Unaizah selama 45 tahun, mengajar di Universiti dan mengajar di musim haji dan bulan Ramadan terutama di Masjidil Haram selama 25 tahun bermula pada tahun 1980-an. Beliau mengajar di tingkat dua bahagian kawasan Ajyad, Masjidil Haram sehingga hari terakhir dalam bulan Ramadan tahun 1421/2001. Beliau meninggal pada 15 Syawal pada tahun tersebut. Di samping itu, beliau juga ahli majlis fatwa dan menulis buku dalam rangka menyebarkan ilmunya (Ibrahim Muhamad,2010:24).

Keistimewaan manhaj Ibn Uthaimin:

- i. Mengabungkan dengan maqasid Syariat dan kaedah–kaedah agama
- ii. Berasaskan dalil dan kesahihannya. Hukum-hukum tersebut bersumberkan dalil dan penerangan yang jelas
- iii. Sederhana (wasatiyyah) dalam manhaj, kefahaman dan tindakan
- iv. Memudahkan dan jauh dari sifat meyusahkan
- v. Jauh dari fanatic
- vi. Mementingkan aspek praktikal
- vii. Menggabungkan aspek amalan dakwah dengan fikah
- viii. Berkonsepkan akidah salaf dari aspek ilmu, tindakan dan dakwah
- ix. Terpengaruh dengan ulama yang berwibawa dahulu dan kini seperti Ibn Taimiyyah, Ibn Qayyim dan Ibn Baz.
- x. Menghormati *Adab al-Ikhtilaf* dan syumul dalam manhaj (Ibrahim Muhamad, 2010:28).

Namun dalam beberapa fatwa-fatwanya, tidak kesemuanya perkara di atas diikuti malah ia lebih kepada kefahaman teks al-Quran dan al-sunah secara literal.

Ibn Uthaimin seorang yang amat menjaga waktu. Keseluruhan waktunya digunakan untuk manfaat bagi umat Islam dengan menjadi imam, berkhutbah, mengajar, memberi ceramah di masjid, menjawab soalan melalui telefon, mengeluarkan fatwa dalam akhbar, majalah dan radio. Keprihatinan kepada menjaga waktu sehingga beberapa orang pelajar akan membaca buku ketika pulang dari masjid ke rumahnya dan jaraknya agak jauh. Pelajar akan mengiringinya sambil membaca

dan beliau akan memberi ulasan dan komentar terhadap buku tersebut. Beliau suka berjalan untuk pergi atau pulang dari masjid.

Menurut anaknya Ibrahim, jadual dan program bapanya bermula setelah solat subuh dengan pergi ke perpustakaan dengan membawa buku-buku untuk ditulis atau membaca sehingga waktu Zuhur kerana beliau tidak mempunyai kelas setelah solat Subuh. Setelah waktu Zuhur, beliau akan ke perpustakaan sehingga jam satu untuk makan tengahari dan waktu ini adalah peluang bersama keluarga. Namun, pada waktu ini ada panggilan telefon untuk menanyakan soalan sehingga sebelum setengah jam waktu Asar. Setelah Asar, waktu berjumpa orang ramai yang berhajat sehingga balik ke rumah sebelum Maghrib. Kemudian kembali ke masjid untuk solat maghrib dan menyampaikan kuliah pengajian harian sehingga waktu Isyak. Setelah Isyak, beliau pulang ke rumah untuk persiapan menyampaikan ceramah atau pengajian kepada pelajar-pelajarnya pada waktu tersebut. Kuliah pengajian tetap beliau adalah pada malam Sabtu dan Rabu manakala pada malam yang lain jika tiada kuliah masa beliau akan diperuntukkan bagi menjawab persoalan melalui telefon dari dalam atau luar negara Saudi (Ibrahim Muhammad, 2010:30).

Meninggal Dunia dan Pujian-pujian Ulama' Terhadapnya

Ibn Baz menyebutkan Ibn Uthaimin merupakan salah seorang tokoh ulama yang terbaik dan alim. Beliau banyak memberi fatwa dan ijihad dalam berkhidmat kepada agama Islam. Seorang yang mempunyai keluasan ilmu, merendah diri dan ketinggian akhlak.

Muhamamrd Sayyid al-Tantawi bekas Syeikh al-Azhar menyebutkan bahawa Ibn Uthaimin seorang yang alim yang menghabiskan hidupnya untuk berkhidmat kepada agama dan umat Islam dengan penuh keberanian, keikhlasan dan sentiasa melaungkan kalimah benar dengan pendekatan yang unik.

Yusuf al-Qaradawi menyebutkan bahawa Ibn Uthaimin adalah seorang ulama besar yang banyak memberi fatwa, dakwah dan pengajian. Fatwa-fatwanya banyak memberi kemudahan kepada umat Islam. Sementara itu, bagi Syeikh Abu Bakar al-Jaza'iri dan Soleh Abdul Fatah al-Khalidi menyebutkan kematiannya merupakan satu kerugian besar kepada umat Islam (Ibrahim Mohamad, 2010:33).

Antara perkara yang menyebabkan ramai yang belajar dengan Ibn Uthaimin ialah:

- i. Keikhlasan dan kejujuran dalam menuntut dan mengajar ilmu serta gigih berusaha ke arah itu.
- ii. Kesabaran dan sentiasa mengutamakan pelajar dari pergi melawat ke tempat luar. Beliau pernah berkata: "Bagaimana aku hendak pergi dan meninggalkan pelajar-pelajar aku yang ramai. Mereka telah menghabiskan masa dan tenaga untuk menuntut ilmu. Jika aku pergi sudah tentu memberi kesan dan menghilangkan motivasi mereka."
- iii. Merendah diri dan senang bergaul dengan semua orang malah beliau pergi ke masjid dengan berjalan kaki.
- iv. Manhaj yang benar dan mudah terutama dalam bidang akidah
- v. Jelas dan membuat tarjih dengan dalil-dalil yang kuat dengan pendekatan yang mudah difahami oleh orang ramai.
- vi. Tidak fanatik dalam sesuatu mazhab dan sentiasa mengambil pandangan majlis-majlis fatwa.
- vii. Banyak menulis buku-buku termasuk buku-buku kecil untuk manfaat orang ramai dan diterjemahkan dalam pelbagai bahasa (Ibrahim Muhammad, 2010:34)

Ibn Uthaimin telah menerima anugerah Antarabangsa Raja Faisal dalam Khidmat Islam pada tahun 1414H.1993M. Penganugerahan ini diberikan atas faktor:

- i. Ketinggian akhlak seorang ulama dan kewarakar, keberanian menyatakan kebenaran dan berdakwah untuk kepentingan umat Islam.
- ii. Banyak orang yang mengambil manfaat ilmunya sama ada dari segi pengajian, fatwa dan penulisan.
- iii. Menyampaikan ceramah umum di pelbagai pelusuk negara.
- iv. Menyertai persidangan dan seminar Islam antarabangsa
- v. Pendekatan dakwah yang unik melalui hikmah dan dialog serta mengikuti manhaj salaf (Ibrahim Muhamad,2010:41).

Antara sifat keperibadiannya:

- i. Sentiasa memelihara agar mengembangkan akidah yang sahih.
- ii. Sentiasa melakukan perkara yang bermafaat dan kebaikan terutama mengadakan kelas pengajian sama ada ketika melawat Madinah dan Riyadh.

- iii. Berpegang kepada sunah dan pengamalannya.
- iv. Seorang yang tawaduk dan merendah diri serta tinggal di rumah yang diperbuat dari tanah liat sekian lama sehingga Raja Khalid bin Abdul Aziz membeli rumah baru tetapi beliau menolak. Setelah sekian lama tinggal di rumah yang kecil dan keperluan keluarga yang amat mendesak barulah beliau berpindah ke rumah baru.
- v. Kuat beribadat. Beliau mengerjakan ibadat haji setiap tahun dengan sekian lama dan melakukan umrah pada setiap bulan Ramadan serta gigih bangun melakukan solat pada tengah malam walaupun dalam keadaan keletihan dan sakit.
- vi. Pemurah. Beliau juga seorang yang pemurah dan banyak membantu dan menyara pelajar-pelajarnya yang kurang berkemampuan.
- vii. Semangat jihad dan prihatin terhadap isu umat Islam di seluruh dunia terutama isu Palestin (Ibrahim Muhamad, 2010:42-52).

Beliau mengidapi penyakit kanser dan tidak mengetahuinya kecuali pada tahap yang terakhir. Apabila doktor memberitahu perkara tersebut, beliau senyum dan mengucap kesyukuran dan mengucapkan: *"Seseorang manusia apabila ia sentiasa taat kepada perintah Allah, melakukan segala perintahnya dan menjauhi larangannya, maka ia tidak mengharap sesuatu kecuali rahmat dan memasuki syurga. Tidak mungkin seseorang manusia sampai ke syurga kecuali ia mati. Oleh itu, kematian adalah tiket ke arah itu."*

Apabila pihak pemerintah mengetahui perkara itu, mereka telah menghantar Syeikh Uthaimin untuk mengubatinya di Amerika Syarikat pada tahun Mei 2000 dan kemudian menyambung menjalani perubatan di dalam negara. Walaupun begitu, beliau tetap meneruskan pengajiannya sehingga pengajian terakhirnya pada malam 30 Ramadan 1421H/November 2000 di Masjid Haram. Pada malam tersebut, beliau membicarakan mengenai perayaan dalam Islam iaitu perayaan Aidil fitri, Aidil Adha dan hari Jumaat. Allah menjadikan tiga perayaan tersebut dengan kemuliaan dan kelebihan yang tertentu dan seterusnya beliau berpindah kepada sesi soal jawab. Di akhir kuliah pengajian tersebut beliau mengatakan: "Malam ini ialah malam 30 Ramadan dan ini adalah kelas pengajian terakhir untuk tahun ini." Seolah-olah beliau memberitahu kelas terakhir untuk selama-lamanya.

Beliau meninggal dunia pada waktu petang Rabu 15 Syawal 1421/10 Januari 2001 setelah dimasukkan ke Hospital Specialist di Jeddah pada tengah hari pada hari tersebut akibat keadaan kesihatan dirinya semakin tenat. Jenazahnya disolatkan di Masjidil Haram keesokannya selepas solat Asar dan ratusan ribu yang menghadiri solat jenazahnya di samping solat ghaib yang dilakukan di beberapa tempat (Ibrahim Muhammad, 2019:57, www.ibnothaimeen.com).

BUKU PENULISAN

Syeikh Ibn Uthaimin inginkan menulis buku sepenuh masa namun rakan-rakannya menasihati agar beliau juga mengajar kerana masyarakat amat memerlukan ilmunya. Oleh itu sebahagian kuliah pengajiannya dirakam dan dijadikan buku untuk manfaat umat Islam. Beliau tidak memperdulikan hak cipta buku-buku dan tidak pernah meminta seringgit dari hasil royalti buku-buku sedangkan buku-buku dicetak jutaan nashkah. Banyaknya terbahagi kepada dua iaitu buku yang dikarangnya sendiri dan kedua adalah asalnya adalah kuliah kelas pengajiannya yang dirakam dan kemudiannya dibukukan. Buku kategori kedua ini terdapat satu tajuk buku dengan pelbagai terbitan sama ada dalam Arab Saudi atau luar. Oleh itu, Yayasan Kebajikan Syeikh Muhammad bin Salih Uthaimin telah menyelaraskan serta membuat semakan dan terbitan buku-buku Syeikh Ibn Uthaimin. Yayasan ini bertanggungjawab untuk membuat penyuntingan semula kerana pendekatan kuliah pengajian adalah berbeza dengan penulisan (Ibrahim Muhammad, 2011:61).

MANHAJ DALAM BIDANG FIKAH

- i. Sentiasa memberi perhatian dan rujukan kepada pandangan Ibn Taimiyyah dan Ibn Qayyim dalam kebanyakan pendapatnya seperti rujukan kepada *majmu'al-fatawa* Ibn Taimiyyah dan mengajar kepada pelajar-pelajar *Siyasah al-Syar'iyyah* karangan Ibn Taimiyyah di samping buku-buku Ibn Qayyim seperti *'Ilam al-Muwaqi'in*, *Zad al-Ma'ad* dan *al-Turuq al-Hakimiah*. Walaupun mengikut pandangan dua tokoh tersebut, beliau tidak

taklid membuta kecuali untuk mencari kebenaran dan terdapat pandangannya yang berbeza dengan Ibn Taimiyyah dan Ibn Qayyim.

- ii. Fikihnya berdasarkan kepada dalil dan menerangkan hikmah disebalik hukum tersebut. Beliau juga berbeza pandangan dengan pendapat mazhab seperti pembahagian air dan batal wuduk dengan bersentuhan dengan wanita dengan syahwat dan talak tiga. Beliau juga akan merujuk kembali fatwa-fatwa jika didapati adanya dalil yang lebih rajih seperti pendapat awalnya mengenai darah nifas bilangan harinya tiada had dan kembali berfatwa dengan had harinya hanya 40 hari.
- iii. Berdasarkan usul fiqh, kaedah fiqh dan ilmu nahu. Beliau mempunyai keistimewaan dalam fikih kerana penguasaannya dalam ilmu usul fiqh dan kaedah fiqh. Beliau mengajar *Qawa'id al-Fiqhiyyah* karangan Ibn Rejab dan ilmu usul fiqh.

Mengikut petunjuk al-Quran berkaitan dengan fikih faraid dan beliau mempunyai buku dalam bab ini yang berjudul *Tashil al-fara'id* (Ibrahim Muhammad, 2010:69).

BUKU-BUKU PENULISAN

Menurut Muhammad Khair Ramadan Yusuf, karangan buku dan makalah kecil Syeikh Ibn Uthaimin sebanyak 175 buah dan dibawah ini merupakan sebahagian buku penulisannya seperti yang dinyatakan oleh Yayasan Kebajikan Syeikh Muhammad bin Salih Uthaimin.

TAFSIR

1. Usul fi al-Tafsir (Pengantar dalam Tafsir)
2. Tafsir al-Fatihah wa al-Baqarah (3 jilid)
3. Tafsir Surah al-Kahfi
4. Tafsir Juz `Amma

TAUHID

5. Majmu' al-Fatawa (Himpunan fatawa)
6. Risalah fi al-Qada wa al-Qadar (Makalah mengenai Qada dan Qadar)
7. Manhaj ahli Sunnah wa al-Jamaah (Manhaj Ahli Sunnah wal Jamaah)
8. al-Qawa'id al-Masla fi Asma' Allah al-Husna (Kaedah terbaik dalam Nama-Nama Allah yang Indah)
9. Asma' Allah wasifatuhu (Nama-Nama Allah dan sifat-sifat-Nya)
10. al-Qaul al-Mufid fi Syarah kitab al-Tauhid(Penerangan Bermanfaat dalam Syarah kitab Tauhid)
11. Ta'liq Mukhtasar ala Lam'at al-I'tiqad (Ulasan ringkas terhadap buku lam'at al-I'tiqad)
12. Syarah al-Aqidah al-Wasatiyyah(Syarah buku Akidah Wasatiyyah)
13. Aqidah ahli Sunnah wa Jamaah (Akidah Ahi sunnah wa Jamaah)

FIKAH

14. Ahkam al-Adhiah wa Zakat (Hukum Kurban dan Zakat)
15. Ahta' Yartakibaha Ba'da al-Hujaj (Kesalahan yang dilakukan oleh Para Jemaah Haji)
15. Al-khilaf baina al-Ulama' (Perbezaan di kalangan Ulama)
16. Majalis Sahr al-Ramadan (Majlis dalam Bulan Ramadan)
17. Risalah fi al-Hijab (Makalah tentang Hijab)
18. Hukm Taraka al-Solat (Hukum Meninggalkan solat)
19. Manasik al-Haj wa Umrah (Menunaikan Haji dan Umrah)
20. Al-Zawaj (Hukum Perkahwinan)
21. Fusul fi Siyam wa tarawikh wa Zakat (Penerangan mengenai Puasa,solat Terawikh dan Zakat)
22. Solat Nabi SAW (Solat nabi SAW)
23. Syarah doa Qunut Witir (Penerangan doa qunut solat Witir)

HADIS

24. Syarah al-Arba'in al-Nawawiah (Syarah hadis 40)
25. Syarah Riyadus Solihin (Syarah Riyadus Solihin)

FARA'ID

26. Tashil al-fara'id (Kaerah mudah dalam hukum Pewarisan)
27. Talkhis fi Fiqh al-Fara'id (Ringkasan Hukum Pewarisan)

USUL FIQH

27. al-Usul min ilm al-Usul (Pengantar dalam ilmu Usul Fiqh)

Ilmu Mustalah Hadis

28. Mustalah al-Hadith (Mustalah Hadis)
20. Syarah al-Manzumah al-Baiquniyyah (Syarah buku Manzumah Baiquniyah)

DAKWAH

29. Al-I'tidal fi al-Da'wah (Sederhana dalam berdakwah)
30. Kitab al-'Ilm (Buku Mengenai Ilmu)
31. Min Muskilat al-Syabab (Permasalahan Generasi Belia)
32. Ta'awun al-Du'at wa Asaruhu fi al-Mujtama' (Gandingan para Pendakwah dan Kesannya dalam Masyarakat)

Ini merupakan sebahagian buku-buku penulisan yang membuktikan ketokohan dan keilmuannya dalam bidang keilmuan Islam terutama bidang akidah dan fikah.

PANDANGAN FIKAH SYEIKH IBN UTHAIMIN

1. Hukum Meninggalkan Solat

Dalam bukunya *Hukum Meninggalkan Solat*, beliau telah menyebut mengenai kelalaian umat Islam kini dalam menunaikan solat sehingga tidak menunaikannya. Ibn Uthaimin menyebutkan perselisihan ulama mengenai hukum meninggalkan solat sama ada termasuk dalam hukum kafir atau fasik, dan hukuman terhadap mereka sama ada termasuk dalam hukum *had* (*hudud*) atau takzir.

Imam Ahmad bin Hanbal mengatakan: “Orang yang meninggalkan solat adalah kafir, iaitu kekafiran yang menyebabkan orang tersebut keluar dari Islam, diancam hukuman mati, jika tidak bertaubat dan tidak mengerjakan solat. Sementara Imam Abu Hanifah, Malik dan Syafi’i mengatakan: “Orang yang meninggalkan solat adalah fasik dan tidak kafir”, namun, mereka berbeda pendapat mengenai hukumannya, menurut Imam Malik dan Syafi’i “diancam hukuman mati sebagai *hadd*”, dan menurut Imam Abu Hanifah “diancam hukuman takzir, bukan hukuman mati”. Apabila masalah ini termasuk masalah yang diperselisihkan, maka yang wajib adalah dikembalikan kepada kitab Allah.

Setelah menganalisa pendapat para ulama dan merujuk kepada al-Quran dan al-Sunnah, beliau berkesimpulan bahawa meninggalkan solat menyebabkan ia kufur dan keluar dari agama Islam. Dalilnya firman Allah:

فَإِنْ تَابُوا وَأَقَامُوا الصَّلَاةَ وَءَاتُوا الزَّكُوْةَ فَإِخْرَجْنَاهُمْ فِي الدِّينِ
وَنُفَصِّلُ آلَيَّتِ لِقَوْمٍ يَعْلَمُونَ

Oleh itu, jika mereka bertaubat (dari kekufuran), dan mendirikan sembahyang serta memberi zakat, maka mereka itu adalah saudara kamu yang seagama dan Kami menjelaskan ayat-ayat keterangan Kami satu persatu bagi kaum yang mahu mengetahui.

(al-Taubah: 11)

فَإِنْ تَابُوا وَأَقَامُوا الصَّلَاةَ وَءَاتُوا الرَّكُوْةَ فَإِخْرَجْنَاهُمْ فِي الدِّينِ
وَنُفَصِّلُ آلَيَّتِ لِقَوْمٍ يَعْلَمُونَ ﴿١١﴾ خَلَفَ مِنْ بَعْدِهِمْ خَلْفٌ
أَضَاعُوا الصَّلَاةَ وَاتَّبَعُوا الشَّهَوَاتِ فَسَوْفَ يَلْقَوْنَ غِيَّاً ﴿١٢﴾ إِلَّا
مَنْ تَابَ وَاءَمَنَ وَعَمِلَ صَلِحًا فَأُولَئِكَ يَدْخُلُونَ الْجَنَّةَ وَلَا
يُظْلَمُونَ شَيْئًا

Kemudian mereka digantikan oleh keturunan-keturunan yang mencuaikan solat serta menurut hawa nafsu (dengan melakukan maksiat); maka mereka akan menghadapi azab (dalam neraka),

kecuali orang-orang yang bertaubat dan beriman serta beramal soleh, maka mereka itu akan masuk syurga dan mereka pula tidak dikurangkan pahala sedikitpun.

(Maryam 59-60)

Menurutnya, kedua-dua ayat tersebut menegaskan bahawa orang yang tidak menuaikan solat bukan terdiri daripada orang yang beriman atau bukan saudara segama dengan kita.

Kedua: Dalil dari al-Sunnah

1. Diriwayatkan dari Jabir bin Abdullah r.a. bahawa Rasulullah SAW bersabda: “*Sesungguhnya (batas pemisah) antara seseorang dengan kemusyrikan dan kekafiran adalah meninggalkan solat*”. (HR. Muslim, dalam kitab: Al-Iman).
2. Diriwayatkan dari Buraidah bin Al Hushaib r.a ia berkata: aku mendengar Rasulullah SAW bersabda: “*Perjanjian antara kita dan mereka adalah solat, sesiapa yang meninggalkannya maka benar benar ia telah kafir*”. (HR. Abu Daud, Turmudzi, An Nasa'i, Ibnu Majah dan Imam Ahmad).

Dalam perkara ini, beliau berpegang kepada Imam Ahmad Hanbal yang berpendapat orang yang meninggalkan solat adalah kafir dan mengikut pandangan mazhabnya. Perkara yang dimaksud dengan kekafiran di sini adalah kekafiran yang menyebabkan keluar dari Islam, kerana Nabi Muhammad SAW menjadikan solat sebagai batas pemisah antara orang-orang mukmin dan orang-orang kafir dan hal ini boleh diketahui secara jelas bahawa aturan orang kafir tidak sama dengan aturan orang Islam. Oleh itu, sesiapa yang tidak melaksanakan perjanjian ini maka dia termasuk golongan orang kafir.

Beliau juga menjelaskan hukum bagi orang tersebut iaitu mereka akan kehilangan hak dan harta pewarisan, tidak dibenarkan masuk ke Mekkah, diharamkan solat jenazah ke atasnya dan diharamkan berkahwin dengan wanita muslimah dan hukuman akhirat dihimpunkan bersama orang-orang kafir dan dimasukkan dalam neraka selama-lamanya (Uthaimin, 1426H:14).

Pandangan ini merupakan satu pandangan beliau yang keras bagi orang yang lalai dalam menuaikan solat dan melengahkannya. Namun

kebanyakan ulama berpendapat bahawa orang yang meninggalkan solat adalah termasuk dalam dosa besar dan fasik. Mereka tetap dalam agama Islam selagi mereka tidak mengingkari kewajipan fardu solat atau menghinakannya. Mereka akan menerima seksaan neraka dan akhirnya akan masuk dalam syurga dengan rahmat Allah.

2. Hijab

Syeikh Ibn Uthaimin berpendapat dalam bukunya *Risalah al-Hijab* bahawa wanita wajib menutup keseluruhan tubuhnya termasuk wajahnya. Beliau menyebutkan perkara ini berdasarkan dalil al-Quran, al-Sunah dan juga qias. Beliau berpendapat bahawa membuka wajah boleh menyebabkan kesan negatif yang banyak iaitu fitnah terhadap diri wanita itu sendiri, menghilangkan rasa malu dan mengalakkkan percampuran dengan kaum lelaki (uthaimin, t.t.: 5).

Dalil dari al-Quran:

وَقُل لِّلْمُؤْمِنَاتِ يَغْضُضْنَ مِنْ أَبْصَرِهِنَّ وَنَحْفَظْنَ فُرُوجَهُنَّ وَلَا
يُبَدِّلْنَ زِينَتَهُنَّ إِلَّا مَا ظَهَرَ مِنَهَا وَلَيَضْرِبَنَّ بِخُمُرِهِنَّ عَلَىٰ جِيوبِهِنَّ
وَلَا يُبَدِّلْنَ زِينَتَهُنَّ إِلَّا لِبُعْوَلَتِهِنَّ أَوْ ءَابَاءِهِنَّ أَوْ ءَابَاءِ
بُعْوَلَتِهِنَّ أَوْ أَبْنَاءِهِنَّ أَوْ أَبْنَاءِ بُعْوَلَتِهِنَّ أَوْ إِخْوَانِهِنَّ أَوْ بَنِي
إِخْوَانِهِنَّ أَوْ بَنِي أَخْوَانِهِنَّ أَوْ نِسَاءِهِنَّ أَوْ مَا مَلَكَتْ أَيْمَانُهُنَّ أَوْ
الْتَّبَاعِيَنَ غَيْرِ أُولَئِكَ الْأُرْبَةِ مِنَ الرِّجَالِ أَوِ الْطِّفْلِ الَّذِينَ لَمْ
يَظْهِرُوا عَلَىٰ عَوَرَتِ النِّسَاءِ وَلَا يَضْرِبَنَّ بِأَرْجُلِهِنَّ لِيُعَلَمَ مَا تُخْفِينَ
مِنْ زِينَتِهِنَّ وَتُوبُوا إِلَى اللَّهِ جَمِيعًا أَيُّهَا الْمُؤْمِنُاتُ لَعَلَّكُمْ تُفْلِحُونَ

Dan katakanlah kepada perempuan-perempuan yang beriman supaya menyekat pandangan mereka (daripada memandang yang haram), dan memelihara kehormatan mereka dan janganlah mereka memperlihatkan perhiasan tubuh mereka kecuali yang zahir daripadanya dan hendaklah mereka menutup belahan leher bajunya dengan tudung kepala mereka dan janganlah mereka

memperlihatkan perhiasan tubuh mereka melainkan kepada suami mereka, atau bapa mereka atau bapa mertua mereka atau anak-anak mereka, atau anak-anak tiri mereka, atau saudara-saudara mereka, atau anak bagi saudara-saudara mereka yang lelaki atau anak bagi saudara-saudara mereka yang perempuan atau perempuan-perempuan Islam atau hamba-hamba mereka atau orang gaji dari orang-orang lelaki yang telah tua dan tidak berkeinginan kepada perempuan atau kanak-kanak yang belum mengerti lagi tentang aurat perempuan; dan janganlah mereka menghentakkan kaki untuk diketahui orang akan apa yang tersembunyi dari perhiasan mereka; dan bertaubatlah kamu sekalian kepada Allah, Wahai orang-orang Yang beriman, supaya kamu berjaya.

(al-Nur: 31)

Syeikh Ibn Uthaimin menyebutkan bahawa dalam ayat ini bahawa Allah mewajibkan wanita memelihara kehormatan mereka dan cara untuk memeliharanya adalah dengan menutup wajah sebab ia adalah alat untuk dilihat dan menikmati kecantikannya. Oleh itu, menutup muka adalah salah satu cara untuk memelihara kehormatan mereka. Beliau juga menyebutkan bahawa ayat ini menyuruh menutup leher dan dada. maka menutup muka juga lebih utama kerana ia tempat kecantikan dan fitnah. Menurutnya, tidak mungkin Islam menyuruh menutup leher dan dada dan meninggalkan menutup muka yang merupakan tempat kecantikan (Uthmaimin, t,t: 8).

Yusuf al-Qaradawi dalam buku berjudul *al-Niqab al-Mar'ah* berpendapat bahawa muka itu bukan aurat. Pendapat ini juga merupakan pendapat kebanyakan ulama (jumhur ulama). Beliau berpendapat bahawa muka dan tapak tangan bukanlah aurat dan tidak wajib bagi wanita menutupnya. Pendapat ini adalah pendapat yang paling kuat (al-Qaradawi, 1996:13).

Antara ulama yang berpendapat sedemikian ialah Nasuddin al-Albani dalam buku *Jilbab al-Mar'ah al-Muslimah fi al-Kitab wa al-Sunnah*, kebanyakan ulama al-Azhar di Mesir, para ulama di Pakistan, Turki dan lain-lain. Namun dakwaan mengatakan perkara ini adalah ijmak ulama adalah tidak tepat dan mendapat pertentangan terutama dari Ibn Baz dan ulama al-Maududi dalam bukunya *al-Hijab* dan

Muhammad Said Ramadan al-Buti dalam buku *ila kulla fatata tu'minu billah* (al-Buti,t.t :38). Mereka mengatakan wanita mesti menutup wajahnya.

Menurut al-Qaradawi mendedahkan wajah dan kedua tapak tangan menurut mazhab jamhur fuqaha adalah dibolehkan dan tidak termasuk dalam aurat. Beliau membuat penilaian yang mentarjihkan pendapat jamhur ini dengan penambahan aspek berikut:

- i. Tiada taklif (dipertanggungjawabkan) atau tegahan (pengharaman) melainkan dengan nas yang jelas dan sahih. Kaedah asal menyebutkan bahawa seseorang itu terlepas daripada taklif dan tiada taklif tanpa nas yang mewajibkannya. Oleh itu, perkara wajib atau haram dalam agama memerlukan kepada dalil yang jelas agar tidak mengharamkan sesuatu apa yang telah dihalalkan atau sebaliknya.
- ii. Berubah fatwa mengikut perubahan zaman, tempat, adat dan keadaan. Pada zaman ini, keadaan wanita telah berubah dan memerlukan peningkatan keperibadian mereka. Hal ini menjadikan kita mengambil pendapat yang mudah untuk menyokong mereka sekaligus menolak tanggapan buruk musuh Islam terhadap diskriminasi Islam terhadap wanita. Al-Qaradawi menyebutkan bahawa perlu umat Islam membela wanita dan memberi keadilan kepadanya dan meetapkan supaya mereka menggunakan hak-hak mereka secara fitrah dan berlandaskan syariat.
- iii. *Umum Balwa* (Sesuatu Yang Tidak Dapat Dielakkan). Adalah menjadi kaedah *umum balwa* di antara sebab-sebab keringanan dan kemudahan di dalam fikah yang diketahui oleh orang-orang yang mempelajari fikah dan usulnya. Telah tersebar di zaman ini dengan keluarnya wanita ke sekolah-sekolah, universiti-universiti, tempat-tempat bekerja, hospital-hospital, pasar-pasar dan sebagainya di mana wanita tidak lagi berkurung dan tinggal di rumah sahaja. Perkara ini semua memerlukan mereka supaya mendedahkan wajah dan dua tangannya kerana mereka perlu bergerak dan berurus dengan manusia dan bagi tujuan kehidupan mereka sama ada mengambil atau memberi, menjual atau membeli, belajar atau mengajar.

- iv. Kesulitan membawa kepada keringanan (*al-masaqqah tajlibu al-tayassur*). Mewajibkan wanita pada zaman ini dengan menutup wajah merupakan suatu keberatan, kepayahan dan membawa kesulitan, sedangkan Allah SWT menafikan daripada agama-Nya sebarang keberatan, kepayahan dan kesulitan sebalik-Nya Dia mendirikan agama-Nya di atas asas tolak ansur, kemudahan, keringanan dan rahmat (al-Qaradawi, 1996:65-70).

Menurut al-Qaradawi lagi, mendedahkan wajah tidak bermakna seseorang wanita itu dibenarkan memenuhi wajahnya dengan warna-warni *make-up* dan debu-debu bedak. Begitu juga mendedahkan dua tangan tidak bermakna bahawa ia boleh menyimpan kukunya yang panjang dan mewarnainya dengan apa yang dinamakan *manicure*. Sementara pendapat yang mengatakan purdah itu tidak wajib, tidak bermakna ia tidak harus (haram). Sesiapa yang mahu memakai purdah, maka ia tidak menjadi satu kesalahan kepadanya (al-Qaradawi, 1996:72).

3. Zakat Fitrah wajib dikeluarkan dalam bentuk makanan asasi

Ibn Uthaimin berpendapat bahawa zakat fitrah wajib dikeluarkan dalam bentuk makanan asasi sesebuah negara yang berupa kurma, gandum dan beras. Justeru itu, ia wajib membayar zakat fitrah itu dengan makanan asasi. Orang fakir apabila mahu wang, maka ia boleh menjual makanan asasi itu sehingga ia dapat memanfaatkan hasil jualan makanan tersebut, Orang yang berzakat, maka ia harus menyerahkan zakat fitrah itu dari makanan asasi (Muhammad bin Salih Uthaimin2011:247). Pandangan Ibn Uthaimin ini bersamaan dengan pendapat gurunya Ibn Baz (Ibn Baz,1992:100). Namun, kini sebahagian ulama berpendapat adalah harus kaum muslimin mengeluarkan zakat fitrah yang wajib ke atas mereka dengan nilai harga makanan yang biasa dimakan (beras). Keputusan ini berdasarkan taqlid kepada mazhab Imam Abu Hanifah.

4. Zakat Emas dan Perak yang dipakai untuk Perhiasan

Ibn Uthaimin berpendapat bahawa emas dan perak yang dipakai atau tidak apabila mencukupi nisab, maka wajib dikeluarkan zakat. Hal ini kerana ada sebahagian ulama berpendapat bahawa emas yang dipakai

menjadi perhiasan tidak perlu zakat. Beliau berpendapat bahawa pendapat yang mengatakan bahawa perhiasan emas dan perak itu wajib dikeluarkan zakat apabila cukup nisab sama ada untuk dipakai atau dipinjamkan (Muhammad bin Salih, 2011:109).

Menurut Wahbah al-Zuhaili bahawa dalam mazhab al-Syafi'i bahawa perhiasan yang mubah tidak wajib zakat sebab ia diperuntukan bagi pemakian yang mubah. Perhiasan seperti ini sama dengan unta atau lembu yang digunakan untuk bekerja. Hal ini berdasarkan bahawa Aisyah pernah memakai perhiasan kepada beberapa saudaranya yang yatim di rumahnya dan dia tidak mengeluarkan zakat (Wahbah al-Zuhali, 2010: 456).

KESIMPULAN

Ibn Uthaimin merupakan ulama rabbani yang berpegang kepada manhaj salafi, mengabungkan dengan maqasid syariat dan kaedah – kaedah agama, menggabungkan aspek amalan dakwah dengan fikah, terpengaruh dengan ulama yang berwibawa dahulu dan kini seperti Ibn Taimiyah, Ibn Qayyim dan Ibn Baz. Namun dalam beberapa fatwanya, ia masih kuat berpegang kepada pendapat mazhabnya Imam Ahmad dan berbentuk kefahaman literal. Walaupun beliau sentiasa memberi perhatian dan rujukan kepada pandangan Ibn Taimiyah dan Ibn Qayyim dalam kebanyakan pendapatnya tetapi ada juga pendapatnya berbeza dengan Ibn Taimiyah seperti pengharaman wanita bermufasir tanpa mahram. Dalam memberi fatwa, beliau berdasarkan dalil dan membuat *tarjih* di antara dalil-dalil walaupun berbeza dengan mazhab. Fatwa-fatwanya adanya yang bersifat kepada kefahaman literal teks seperti pengharaman secara mutlak untuk wanita bermusafir secara sendirian dan mewajibkan wanita memakai hijab.

BIBLIOGRAFI

- Al-Albani, Nasaruddin. 1991. *Jilbab al-Mar'ah al-Muslimah fi al-Kitab wa al-Sunnah*. Kaherah : Dar al-Salam.
- Al-Buti, Muhamad Said Ramadan. t.t. *'Ila Kulli Fatata Tu'min billah*. Kaherah: Saut Al-Azhar al-Syarif.
- al-Qaradawi. Yusuf. 1996. *Niqab al-Mar'ah*, Kaherah : Maktabah Wahbah.
- Al-Uthaimin, Muhammad bin Salih.2004. *Syarah al-Arba'in al-Nawawiah*. Riyadh : Dar al-Saraya.
- Al-Uthaimin, Muhammad bin Salih.2011.*Fiqih Zakat Kontemporeri*. Solo: Al-Qawam.
- Al-Uthaimin.2002.. *Syarah Riyad al-Salihin* Kaherah : Dar al-Salam.
- Al-Uthaimin.2004. *Syarah Kitab al-Siyasah al-Syar'iyyah li Shaykh al-Islam Ibn Taimiyyah*. Beirut :Dar Ibn Hazam
- Al-Uthaimin, 1426H. *Hukum Orang Yang Meninggalkan Solat*. Riyadh: Maktab Ta'awani li Da'wah
- Al-Uthaimin, *Risalah al-Hijab*. Madinah al-Munawwarah: Percetakan Universiti Islam Madinah
- Al-Zuhaili, Wahbah.2010.*Fiqih Imam Syafi'i*. Jakarta : Almahira
- Baz, Abdul Aziz (et.l).1992. *Fatawa al-Islamiah*. Dar al-Watan: Riyadh
- Maududi. Abul A'ala.1985. *Sikap Islam terhadap Pakaian*. Shah Alam:Penerbitan Hizbi

Laman Web

<http://www.e-fatwa.gov.my/fatwa-negeri/pembayaran-zakat-fitrah-dengan-wang>

<http://www.e-fatwa.gov.my/fatwa-kebangsaan/penentuan-harga-zakat-fitrah-seluruh-malaysia>

www.Ibnothaimeen.com